



Wan Ahmad Fauzi menyampaikan pembentaran pada Siri Wacana ATMA: Kuasa Raja-Raja Melayu Antara Perlembagaan dan Warisan dalam rangka TN50 di UKM, Bangi, semalam.



Ketika ini semakin ramai generasi muda tidak memahami kepentingan institusi raja dalam memayungi kepentingan rakyat berbilang kaum dan agama”

**Wan Ahmad Fauzi  
Wan Husain,**  
Ketua Lajnah Kajian  
Strategik Ittihad

# Perkukuh institusi raja

B/H / 22/03/2016

M/S 7

➔ Kerajaan perlu rangka konsep, skop, bidang kuasa dalam TN50

saja perlu dipertahankan, malah perlu diperkukuhkan sejajar transformasi nasional dalam pelbagai bidang mencakupi ekonomi, teknologi, pendidikan dan kemajuan prasarana seperti digagaskan dalam TN50.

Beliau berkata raja dan rakyat tidak dapat dipisahkan dan sekiranya kuasa raja dikurangkan dalam menayakan transformasi nasional itu, ia boleh menjejaskan hak keistimewaan Melayu dan Islam sebagai agama rasmi negara.

## Kuasa Majlis Raja-Raja

“Dalam Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan kuasa Majlis Raja-Raja memperkenalkan atau tidak apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat mengenai pelantikan, mengiktiraf Perlembagaan Persekutuan yang dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja, atau dikehendaki dibuat, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

“Ini membuktikan besarnya

kuasa institusi raja seperti diperakui Perlembagaan Persekutuan,” katanya pada Siri Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): Kuasa Raja-Raja Melayu: Antara Perlembagaan dan Warisan dalam Rangka TN50 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Sesi dikendalikan Pengarah ATMA, Prof Dr Supyan Hussin itu turut menampilkan dua lagi ahli panel, iaitu Penerbit Eksekutif Dinasti Teratai Publication Sdn Bhd, Mohd Bokhari Abdullah dan bekas pensyarah Universiti Selangor dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mejar (B) Mior Rosli Mior Jaafar.

Yang turut hadir, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad.

Wacana itu bertujuan mengupas dan membahas konsep, skop dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu dari sudut warisan dan Perlembagaan Persekutuan mencakupi kuasa Raja-Raja Melayu, sama ada hanya warisan yang bersifat budaya semata-

mata atau perlu dipertahankan.

## Pemahaman kepada generasi muda

Ketiga-tiga ahli panel dan lebih 50 yang hadirin pada sesi wacana berkenaan bersetuju kuasa raja perlu dikekalkan dan dipertingkatkan dalam mencapai TN50.

Dalam pada itu, Dr Wan Ahmad Fauzi berkata, kerajaan perlu menganjurkan program dan dialog TN50 mengenai kuasa raja untuk generasi muda supaya mereka memahami perkara itu.

Ini disebabkan, katanya, ketika ini semakin ramai generasi muda tidak memahami kepentingan institusi raja dalam memayungi kepentingan rakyat berbilang kaum dan agama.

“Setakat ini, saya tidak nampak ada program dan dialog dalam TN50 yang menjurus kepada fungsi raja. Kita harap ia diadakan dalam tempoh terdekat, demi kepentingan generasi muda agar mereka faham fungsi institusi raja,” katanya.

Doleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

Bangi

**K**uasa Raja-Raja Melayu perlu kekal dalam pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50) kerana institusi raja ialah pelindung rakyat, agama dan negara.

Ketua Lajnah Kajian Strategik Ittihad, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, berkata kerajaan perlu merangka konsep, skop dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu dalam TN50 sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, kuasa raja bukan